

29 JAN 2002

E-Dinar-Ringgit/I

PENERIMAAN PAKAI IGD AKAN DIKENDALI TANPA GUGAT KESTABILAN RINGGIT

PUTRAJAYA, 29 Jan (Bernama) -- Rancangan guna pakai dinar emas Islam (IGD) oleh Malaysia bagi menggantikan dolar Amerika dalam perdagangan antarabangsa akan dilaksanakan tanpa menggugat kestabilan ringgit.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam pertemuannya dengan pengelola IGD di pejabatnya di sini, menegaskan ringgit akan kekal bagi urusniaga tempatan, menurut Prof Umar Ibrahim Vadillo.

Pengelola IGD itu diketuai oleh Vadillo, seorang daripada ketua-ketua Murabitun World Wide Movement, pergerakan Islam Antarabangsa yang telah memperkenalkan IGD sejak ia dicetak pertama kalinya pada 1992.

Vadillo diiringi oleh pengerusi Islamic Mint Sdn Bhd Zaitoon Datuk Othman dan ketua pegawai eksekutifnya (CEO) Dr Shamsudeen Dr Yunus serta Wan Abdul Rashid Kamil yang akan menjadi CEO e-qirad yang akan dibentuk tidak lama lagi.

Bercakap di sidang media selepas pertemuan itu, Vadillo berkata dalam peralihan kepada IGD bagi perdagangan antarabangsa, ringgit akan dilindungi.

"Perdana Menteri mahu peralihan dilaksanakan dengan berhati-hati agar ianya tidak menggugat kreadibiliti mata wang tempatan," katanya.

Justeru, satu pendekatan berhati-hati akan diambil dalam membangunkan IGD serta pembayaran bagi perdagangan antarabangsa, kata Shamsudeen.

Beliau berkata sehubungan itu, satu siri bengkel kerja dan seminar akan dianjurkan untuk mengkaji dengan lebih lanjut cara terbaik bagi melaksanakan sistem dagangan untuk IGD.

Vadillo berkata satu versi elektronik IGD fizikal, yang dinamakan e-dinar, telahpun beroperasi dan mempunyai kira-kira 300,000 pemegang akaun yang dibuka oleh penduduk di 160 negara.

"E-dinar menyediakan cara pembayaran perdagangan kepada negara-negara lain yang hanya mengambil masa beberapa saat sahaja," katanya.

Vadillo juga menyatakan bahawa Dr Mahathir mahu satu kajian dilakukan mengenai bagaimana untuk mengendali dan memperkenalkan blok dagangan Islam menerusi penggunaan IGD.

"Kami telah merangka satu cadangan di bawah payung inisiatif Perdagangan Islam Dunia untuk membentuk protokol dan peraturan di mana mata wang Islam akan diniagakan," katanya.

Sementara itu, Zaitoon berkata Islamic Mint dan e-qirad merancang menganjurkan satu seminar dan bengkel kerja pada Mac untuk membincangkan sistem dan kaedah IGD bagi dagangan antarabangsa.

Seminar itu, yang akan dihadiri oleh peserta antarabangsa akan menyaksikan Perdana Menteri membentangkan pandangannya "mengenai bagaimana kita boleh menerima dan menyokong sistem dagangan IGD," katanya.

-- BERNAMA

MAD FR ZK RON